

Siaran Akhbar

Panasonic mempersembahkan “A Better Life, A Better World” di IGEM 2013

Kuala Lumpur, 10 Oktober 2013 - Panasonic Malaysia hari ini mengumumkan untuk mempamerkan Teknologi dan Solusi Hijau inovatif dan komprehensif terkini di Pameran dan Persidangan Antarabangsa Teknologi Hijau & Produk Eko Malaysia (IGEM 2013) yang keempat. Setelah mengambil bahagian 4 tahun berturut-turut, Panasonic Malaysia tidak akan berhenti untuk mengagumkan para pengunjung dengan teknologi hijau dan produk eko terkini.

Sempena IGEM 2013, Panasonic akan memperkenalkan satu slogan jenama global baru, “A Better Life, A Better World”.

Slogan yang dilancarkan tahun ini meluahkan wawasan Panasonic untuk terus berkembang dan menghasilkan kehidupan yang lebih baik bagi setiap pelanggan individu dalam pelbagai lapangan dan bidang dan sekaligus menghasilkan dunia global yang lebih baik melalui sumbangan kepada alam sekitar dan pelbagai aktiviti lain, dalam segmen B2B dan B2G.

Melanjutkan usahanya, Panasonic Malaysia akan memperkuuhkan kolaborasi strategik dan perkongsian ke arah negara mampan melalui tema “Perkongsian untuk Kecemerlangan Malaysia”. “IGEM akan menjadi saluran untuk kami mempamerkan kolaborasi strategik dengan penggerak industri utama yang terdiri daripada agensi-agensi Korporat dan Kerajaan yang memfokus kepada Teknologi Hijau.” kata Yosuke Matsunaga, Pengarah Urusan Panasonic Malaysia.

Sebaik memasuki rangkaian Panasonic, para pengunjung akan melihat satu pameran penuh untuk Solusi Hijau. Pelbagai aplikasi ke arah Malaysia Hijau akan dipamerkan bagi menggambarkan rangkaian luas produk dan solusi cekap tenaga dan pintar Panasonic. “Panasonic adalah komited ke arah memperkayakan kehidupan orang ramai melalui rangkaian Produk dan Solusi Eko kami. Pameran ini akan menjadi wadah bagi pelbagai solusi untuk kediaman dan perniagaan yang Sedar Eko pada masa yang sama.” tambah Matsunaga.

Antara tumpuan utama adalah Solusi dan Infrastruktur Pengecasan Kenderaan Elektrik, pameran Teknologi Fotovoltaik Solar dan Pembangunan Projek RE, Produk-produk Cekap Tenaga Pintar dalam bentuk Teknologi EcoNavi, Solusi Kualiti Udara Dalam Kediaman, Solusi Penyejukan Aliran Bahan Penyejuk Boleh Ubah (VRF), Solusi Pencahayaan LED, Solusi Pembinaan PanaHome, Sistem Dapur Eko, Solusi Perbandaran Pintar dan Mampan, Konsep Pusat Econation Panasonic, Sistem Bilik Hijau dan Sistem Eko Penggambaran, Kejuruteraan Alam Sekitar, Komuniti Eko dan Inisiatif CSR, Projek Lantera LED Solar dan Pertandingan Foto Eko Lumix. Kesan yang akan dialami oleh setiap pengunjung adalah ilmu pengetahuan yang digarap mengenai teknologi eko dan hubung kait aplikasi realistik yang digunakan di Malaysia.

Pavilion Panasonic akan bertempat di No. B167 – B194, Dewan 4, Tingkat Bawah, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) dari 10 – 13 Oktober 2013. Selaras dengan komitmen Panasonic ke arah mewujudkan Malaysia Hijau, Matsunaga berkongsi bahawa pavilion Panasonic telah direka dan dibina menggunakan bahan mesra alam yang tidak toksik. “Kami memastikan bahawa bahan-bahan yang digunakan datang daripada sumber yang boleh diperbaharui dengan segera dan boleh dikitar semula” tambah Matsunaga.

Lanjutan daripada kejayaan Project WATTS (Where Aid Turns to Sustainability) pada tahun 2012, Panasonic Malaysia telah menyertai Project WATTS 2013 oleh Truly Loving Company (TLC). Memainkan peranan sebagai Warga Korporat yang Baik, Panasonic Malaysia menawarkan peralatan menjimatkan tenaga kepada beberapa rumah kebajikan terpilih, pada harga-harga yang telah didiskaun. Tahun ini, Panasonic Malaysia juga bersetuju untuk memenuhi permintaan ke atas solusi menjimatkan elektrik bagi 5 Rumah Kebajikan.

Produk-produk Econavi dan Inverter Pintar menjanjikan penjimatan air dan tenaga serta prestasi tinggi. Panasonic ingin menggalakkan penggunaan produk-produk sebegini bagi meningkatkan kesejahteraan keseluruhan negara ini. Lima rumah kebajikan yang akan menerima manfaat hasil sumbangan Panasonic adalah Pengasih Malaysia, Pusat Kebajikan Good Shepherd, Rumah Ozanam, Yayasan Kiwanis Sindrom Down dan Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia.

Latar belakang Panasonic Malaysia Sdn Bhd

Panasonic Malaysia Sdn Bhd adalah sebuah syarikat jualan, servis dan pemasaran bagi jenama produk elektrik dan elektronik Panasonic merangkumi audio visual, peralatan rumah, pendingin udara, kamera digital dan video, peralatan siaran profesional, sistem perniagaan, telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan kecantikan hingga ke bateri dan lampu. Semua produk Panasonic ditawarkan melalui pengedar berdaftar kami di seluruh negara. Untuk maklumat lanjut mengenai jenama dan produk Panasonic, sila layari laman web kami di www.panasonic.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di 03-7953 7600.

Untuk rakan media, muat turun siaran akhbar acara dan produk serta foto di www.pmpressroom.com

Hubungan Media: Tan Tih Tjun
Pengurus, Komunikasi dan Penjenamaan Korporat
Jabatan Inovasi Pemasaran
Panasonic Malaysia Sdn Bhd
Tel: 03 7809 7753 Faks: 03 7955 0722
Emel: tihtjun.tan@my.panasonic.com

###